

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	25 DECEMBER 2016

# Bailout era Dr. Mahathir?

## MUKADIMAH

**B**AILOUT adalah istilah negatif dan sengaja digunakan atau disalahgunakan untuk menyindir ada sesuatu yang tidak kena berlaku. Perkataan ini digunakan oleh Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Tun Dr. Mahathir Mohamad untuk mempersoalkan isu tertentu termasuk melibatkan syarikat pelaburan strategik negara. Namun, Dr. Mahathir mesti melihat dengan

lebih jujur soal ini. Pernahkah bailout melulurkan tindakan bailout ini semasa pentadbirannya (1981 hingga 2003) - sesuatu yang tidak berlaku semasa era Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak? Bailout berlaku apabila wang dipam ke dalam sebuah organisasi yang sakit tanpa sebarang peluang ke atas wang itu. Berikut antara isu-isu bailout yang diperkatakan semasa era Dr. Mahathir, dirorat wartawan *Mingguan Malaysia*, ZULKIFLI JALIL, Benarkah?

## BMF

SKANDAL kewangan besar yang pertama di Malaysia meletus pada 1983 apabila didapati Bumiputra Malaysia Finance (BMF), sebuah anak syarikat Bank Bumiputra Malaysia Bhd. (BBMB) memberi pinjaman RM2.5 bilion kepada syarikat-syarikat yang mempunyai rekod prestasi samar-samar, termasuk Carrian Group yang berpangkalan di Hong Kong. Berlaku hanya dua tahun selepas Dr. Mahathir menerajui kerajaan. Skandal itu berlarutan dengan pembubaran seorang pembantu pengurus yang dihantar ke Hong Kong untuk menyasat transaksi, kebancrapan Carrian Group dan akhirnya kerajaan Malaysia mengempang lebih banyak wang untuk menyelamatkan BBMB daripada ditutup. Kerugian yang ditanggung dalam kemelut itu, termasuk suntikan modal berulang oleh kerajaan, dianggarkan sekitar RM10 bilion. Pada masa itu, BBMB merupakan bank terbesar di Asia Tenggara dan keruntuhan Carrian adalah kebancrapan terbesar Hong Kong.



PENGERUSI Jawatankuasa penyiasat skandal pinjaman BMF Tan Sri Ahmad Nordin Zakaria (tengah) yang juga Ketua Audit Negara, menerangkan lebih lanjut mengenai laporan akhir skandal pinjaman itu yang diserahkan kepada Pengerusi Bank Bumiputera Malaysia Berhad (BBMB) kepada pihak media di Bangunan Ming, Kuala Lumpur.

## 2 Forex

PADA awal 1990-an, Bank Negara mula berkecimpung dalam perdagangan mata wang spekulatif dan perdagangan pertukaran asing dengan jumlah wang yang besar, membingungkan institusi perbankan lain di seluruh dunia. Ia kehilangan hampir RM30 bilion antara 1991 dan 1994, sebelum mufis daripada segi teknikal dan terpaksa diselamatkan oleh Kementerian Kewangan. Tiada seorang pun daripada eksekutif tertinggi dalam Bank Negara dituduh kerana aktiviti-aktiviti perdagangan itu kerana kerajaan menyerap kerugian sepegunya.



## Perwaja Steel

PADA 1982, Perwaja Steel dimulakan sebagai syarikat usaha sama antara kerajaan dan Nippon Steel Corporation Jepun. Apa yang sepatutnya menjadi satu projek mega bagi membangunkan perindustrian Dr. Mahathir menjadi tidak keruan kerana syarikat menghadapi masalah pengeluaran, akhirnya melihat Nippon menarik diri daripada kerjasama. Bayaran faedah meningkat dan kerajaan terpaksa menyuntik RM2 bilion untuk menyelamatkan syarikat itu, bersama-sama pinjaman daripada KWSP dan Bank Bumiputra. Tan Sri Eric Chia (mendiang), sekutu Dr. Mahathir dibawa masuk untuk menerajui Perwaja selama tujuh tahun, tetapi meninggalkan syarikat itu dalam keadaan lebih buruk berbanding ketika beliau mengambil alihnya. Syarikat itu menanggung kerugian tambahan sebanyak RM5.7 bilion dan kerugian RM2.5 bilion. Chia didakwa pecah amanah pada 2004 tetapi dibebaskan tiga tahun kemudian, dan tidak siapa dipertanggungjawabkan bagi kerugian dalam skandal Perwaja, yang didakwa termasuk mengganggu rekod perakaunan. Keseluruhan kerugian skandal itu dianggarkan hampir RM10 bilion. Adakah Perwaja sebuah bailout kerana jika wang tidak dipam ke dalam syarikat itu, ia akan mufis?

## 4 Malaysia Airlines (MAS)

PADA 1994, ahli perniagaan, Tan Sri Tajudin Ramli (gambar) mengambil pinjaman daripada beberapa syarikat berkaitan kerajaan untuk membeli kepentingan mengawal saham MAS pada harga jauh lebih tinggi daripada harga pasaran - RM8 sesaham. Tujuh tahun beliau menerajui MAS adalah tempoh didakwa berlakunya pelbagai urusan penipuan. Syarikat itu mempunyai RM600 juta rizab tunai apabila Tajudin mengambil alih, tetapi menanggung kerugian terkumpul sebanyak RM9.4 bilion apabila beliau meninggalkan syarikat itu pada 2001. Walaupun rugi besar, kerajaan semasa era Dr. Mahathir masih membeli semula MAS daripada Tajudin dengan harga sama ia dijual - RM8 sesaham - dan itu juga merupakan bailout. Jika kerajaan tidak membeli saham tersebut, Tajuddin akan mufis. Kerajaan terpaksa membeli balik saham pada cara di atas harga pasaran. Tajudin terlibat dalam beberapa tindakan undang-undang dengan syarikat-syarikat berkait kerajaan menuntut pinjaman tidak dibayarinya dan walaupun kalah terhadap kes Danaharta dan diarahkan membayar lebih RM500 juta, syarikat dan Tajudin menyelesaikannya di luar mahkamah, apa yang dipanggil sebagai bailout oleh pengkritik. MAS mengalami masalah kewangan sejak itu.

## 5 Konsortium Perkapalan milik Mirzan

ADAKAH pembelian Konsortium Perkapalan Berhad milik Mirzan Mahathir oleh Petronas sebelum ini sebuah bailout? Bagaimanapun ada menyatakan bukan bailout. Mirzan mahukannya pada harga RM2 bilion untuk membolehkan-nya menampung hutang RM1.7 bilion beliau.

Tetapi Petronas hanya bersetuju untuk membayar RM1 bilion. Jadi, Mirzan hilang RM1 bilion dalam perjanjian itu manakala Petronas kemudian menjual syarikat itu untuk keuntungan besar beratus-ratus juta. Tetapi ada pula menyebut transaksi melibatkan syarikat perkapalan itu yang membabitkan sejumlah ribuan juta ringgit dan Petronas secara jelas merupakan satu langkah bailout sebuah syarikat milik swasta menggunakan dana milik awam. Mana satu betul?

## 6 PKFZ

SKANDAL Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) berlaku enam tahun lalu, dianggarkan kerugian kerajaan kira-kira RM12.5 bilion, tetapi tiada siapa setakat ini disabitkan ke atasnya.



NAJIB TUN RAZAK melihat model sistem rel Lembah Klang selepas melancarkan Simposium Tahunan Pengangkutan Awam Darat 2016 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pada 17 Oktober lalu.

## LRT

LIHAT sahaja projek LRT-1 dan LRT-2. Ke mana kesudahannya? Dari projek penyuwatan kepada menjadi bailout oleh kerajaan. Berapa banyak wang negara mengahir kerana ketidakcekapan kerajaan waktu itu? Projek transit aliran ringan (LRT) Star dan Putra dimulakan pada 1996 di bawah era Dr. Mahathir yang mentadbir Malaysia. Najib meneruskan kesinambungan itu dengan projek sambungan LRT dan MRT di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NRRA). MRT Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya mempunyai 37 stesen - 11 di bawah tanah meliputi jarak 52 km.